

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 19 Jan 2021

Bil. 01/2021

Ruj:(65)dIm.UNISEL/PP/01/05JLD.I

**PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK,
EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020:
PEMBATALAN SYARAT PEMINDAHAN KREDIT -
"KELAYAKAN AKADEMIK YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN MESTILAH TIDAK
MELEBIHI LIMA TAHUN DARI TARIKH TAMAT PENGAJIAN"**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pembatalan Klausula 7.3.6 (v) (Kelayakan Akademik Yang Boleh Dipertimbangkan Mestilah Tidak Melebihi Lima Tahun Dari Tarikh Tamat Pengajian), Perkara 7.3 (Pemindahan Kredit) dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkara 14.1.3, Bahagian 14.0: Peruntukan-Peruntukan Am, memperuntukkan bahawa Senat berhak meminda peraturan akademik dari semasa ke semasa.
- 2.2 Semakan semula dan penambahbaikan sentiasa perlu dilakukan bertujuan memantapkan peraturan akademik yang diguna pakai seiring dengan perubahan semasa dan keperluan masa hadapan.

3.0 PEMBATALAN DAN PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK

- 3.1 Mesyuarat Senat Kali Ke-190 (Bil.12/2020) telah meneliti dan meluluskan pembatalan Klausula 7.3.6 (v), Perkara 7.3 dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 seperti berikut:

"(v) Kelayakan akademik yang boleh dipertimbangkan mestilah tidak melebihi lima tahun dari tarikh tamat pengajian" [DIBATALKAN].

4.0 TEMPOH KUAT KUASA

- 4.1 Pembatalan Klausula 7.3.6 (v), Perkara 7.3 dalam Buku Peraturan Akademik, Edisi Keempat, Cetakan Pertama, April 2020 ini adalah berkuat kuasa mulai **Semester November 2020**.

**PEKELILING PENDAFTAR BIL.01/2021:
PINDAAN BUKU PERATURAN AKADEMIK,
EDISI KEEMPAT, CETAKAN PERTAMA, APRIL 2020: PEMBATALAN SYARAT PEMINDAHAN KREDIT -
"KELAYAKAN AKADEMIK YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN MESTILAH TIDAK MELEBIHI LIMA
TAHUN DARI TARIKH TAMAT PENGAJIAN"**


- 4.2 Semua fakulti/pusat pengajian/sekolah/jabatan hendaklah mematuhi dan melaksanakan arahan seperti yang tertakluk kepada Pekeliling Pendaftar Bil.01/2021 ini.
- 4.3 Dengan berkuat kuasanya pekeling ini, mana-mana pekeling atau peraturan terdahulu atau pindaan-pindaan setakat mana yang bercanggah adalah terbatal.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'PENERAJU TRANSFORMASI'

Yang benar



HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar

- S.k : YBhg. Dato' Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
: Bendahari
: Semua Dekan Fakulti/Pusat Pengajian/Sekolah/Ketua Jabatan